Buletin INOVASI

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 2025

MENARIK DI DALAM

06 **Sesi Penilaian Fizikal Anugerah Inovasi** Negeri Selangor (AINS) Tahun 2025

16 **Biz.Spotlight 2025 X Festival Of Idea (FOI)** Anjuran Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

18 **Majlis Apresiasi Inovasi** Negeri Selangor Tahun 2025

MUTIARA KATA

Dunia hari ini tidak lagi menunggu kita. Kita berada dalam era Kecerdasan Buatan (AI), automasi dan pendigitalan. Perubahan ini bukan sahaja mengubah landskap ekonomi, malah turut memberi impak besar kepada cara sektor awam berfungsi dan menyampaikan perkhidmatan.

Dalam mendepani gelombang teknologi ini, kita harus menghayati pesanan tokoh pelopor sains komputer tersohor, Alan Kay, yang pernah berkata: "*The best way to predict the future is to invent it.*"

Ini bermakna, masa depan institusi perkhidmatan awam yang mampan bukan lagi satu teka-teki yang perlu kita tunggu jawapannya. Ia adalah sebuah realiti yang perlu kita "cipta" dan "bentuk" melalui kejituan inovasi serta kecemerlangan tadbir urus yang bermula dari saat ini.

Sehubungan itu, kita tidak boleh lagi sekadar menjadi pengguna yang pasif *(users)*, sebaliknya perlu bangkit sebagai pencipta *(creators)* yang berani meneroka sempadan baharu.

Warga sektor awam harus mempunyai kecekalan untuk keluar daripada zon selesa demi mencorakkan landskap perkhidmatan yang lebih dinamik.

Sempena Ucapan Perasmian Pembukaan Program Semarakkan Inovasi Sektor Awam Tahun 2026 pada 14 April 2026

YANG BERHORMAT DATO' DR. AHMAD FADZLI BIN AHMAD TAJUDDIN
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
YB DATO' DR. AHMAD FADZLI BIN AHMAD TAJUDDIN
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

PENASIHAT
PUAN DEWI DIRWANA BINTI MUNASIR
ENCIK MOHD IKRAM BIN RAHIMI

KETUA EDITOR
ENCIK SYAMSUL KHOIR BIN MD RIDZUAN

SIDANG EDITORIAL
ENCIK MUHAMMAD FAKHRI BIN DUKI@MARZUKI
CIK NURUL SYAZIYAH BINTI AHMAD
ENCIK MUHAMAD KAMIL BIN MD YUSOF
CIK FAZIRAH BINTI FAZELI
AMIRUL ANWAR BIN AHMAD IZAMUDIN

FOTOGRAFI
ENCIK AHMAD FADHLI BIN YAHYA
ENCIK MUHAMMAD FAKHRI BIN DUKI@MARZUKI

ISI KANDUNGAN

4 Sesi Taklimat Pelaksanaan Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) dan Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) Tahun 2025

5 Bengkel Penyelarasan Penyediaan Dokumentasi Majlis Persada Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) Tahun 2025

6 Sesi Penilaian Fizikal Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) Tahun 2025

8 Bengkel Pembangunan Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 2026-2030 (Fasa 1)

8 Sesi Penilaian Pemeriksaan Projek Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) Tahun 2025

9 Bengkel *Design Thinking* Kumpulan KIK Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2025

10 Sesi Penilaian Persembahan Video Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) Tahun 2025

10 Sesi Penilaian Dalam Talian Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) 2025

11 Bengkel Aplikasi AI Dalam Pengoperasian Pejabat Untuk Penjawat Awam Negeri Selangor Tahun 2025

14 Bengkel Penilaian Harta Intelek Untuk Penjawat Awam Negeri Selangor Tahun 2025

15 Konvensyen Inovasi Sosial (KIS) 2025 Anjuran Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)

16 Biz.spotlight 2025 X Festival Of Idea (FOI) Anjuran Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

18 Majlis Apresiasi Inovasi Negeri Selangor Tahun 2025

20 Lawatan Penanda Aras Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Ke Balai Bomba dan Penyelamat Alor Setar, Kedah, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2025

22 Program Perkongsian Produk Inovasi @ The Innovator Tahun 2025

Sesi Taklimat Pelaksanaan Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) dan Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam

Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) Tahun 2025

25 Februari 2025

Bilik Mesyuarat MTES, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Sesi Taklimat Pelaksanaan Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) dan Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) Tahun 2025 telah diadakan pada 25 Februari 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat MTES, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Taklimat ini melibatkan wakil daripada 43 agensi/ jabatan kerajaan serta Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Ia bertujuan memberikan penerangan berkaitan pelaksanaan AINS dan MPIPANS Tahun 2025.

Bagi AINS 2025, pelaksanaannya adalah kekal seperti tahun sebelumnya, iaitu mengikut format AINS 2024. Sementara itu, MPIPANS yang dianjurkan secara dua tahun sekali akan dilaksanakan pada tahun 2025 ini, dimulai dengan penganjuran Bengkel Penyelarasan Penyediaan Dokumentasi pada bulan Mac 2025.

Bengkel Penyelarasan Penyediaan Dokumentasi Majlis Persada Perkhidmatan Awam

Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) Tahun 2025

Bengkel ini melibatkan wakil daripada 43 agensi/ jabatan kerajaan serta tiga (3) Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Bengkel ini telah diadakan di Ballroom Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 16 hingga 20 Jun 2025.

Penganjuran bengkel ini bertujuan untuk memastikan penyeragaman dokumentasi bagi setiap jabatan dan agensi agar selaras dengan kriteria yang digariskan dalam Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2016, iaitu *Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi dalam Sektor Awam melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif*. Inisiatif ini penting bagi memperkukuh amalan inovasi secara sistematik serta meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

16 - 20 Jun 2025

Ballroom Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam

Bagi menjayakan objektif tersebut, pentadbiran ini telah menjemput Puan Rozila binti Safie dan Encik Rosdi bin Osman sebagai fasilitator dan penceramah. Kedua-duanya mempunyai pengalaman luas dalam bidang KIK dan berperanan membimbing peserta untuk meningkatkan kefahaman, di samping membantu dalam penyediaan dokumentasi yang seragam serta menepati kerangka KIK Horizon Baharu.

Sesi Penilaian Fizikal Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) Tahun 2025

5 - 22 Mei 2025

Lokasi Yang Ditetapkan oleh 12 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor

Sesi Penilaian Fizikal Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) Tahun 2025 telah berlangsung di semua lokasi yang ditetapkan oleh 12 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor mulai 5 Mei hingga 22 Mei 2025 yang lalu.

Tahun 2025 menyaksikan peningkatan jumlah penyertaan keseluruhan sebanyak 364 penyertaan daripada seluruh Negeri Selangor. Penyertaan terbanyak telah diterima oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sebanyak 67 penyertaan.

Para peserta dinilai oleh para juri dalaman daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Di antara aspek yang diberi penekanan ialah keaslian produk, impak kepada masyarakat, potensi pengkomersialan dan sebagainya.

Pecahan penyertaan dan lokasi penilaian adalah seperti berikut :-

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TARIKH DAN LOKASI PENILAIAN	JUMLAH PENYERTAAN
1	Majlis Perbandaran Sepang	**5 Mei 2025** Dewan Komuniti Bandar Baru Salak Tinggi	26
2	Majlis Bandaraya Subang Jaya	**6 Mei 2025** Majlis Bandaraya Subang Jaya	43
3	Majlis Perbandaran Kuala Langat	**7 Mei 2025** Dewan Kompleks Sukan MPKL	14
4	Majlis Perbandaran Kajang	**8 Mei 2025** Dewan Komuniti Semenyih MPKj	49
5	Majlis Bandaraya Diraja Klang	**8 Mei 2025** Dewan Hamzah Klang	14
6	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	**13 Mei 2025** Galeri Aras 4, Menara MPAJ	10
7	Majlis Perbandaran Selayang	**14 Mei 2025** Lobi Menara, MPS	25
8	Majlis Bandaraya Shah Alam	**15 Mei 2025** MBSA Convention Centre	67
9	Majlis Perbandaran Kuala Selangor	**19 Mei 2025** Dewan Tertutup Kuala Selangor	37
10	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	**20 Mei 2025** Dewan Bankuet MBPJ	27
11	Majlis Daerah Sabak Bernam	**21 Mei 2025** Dewan Seri Bernam, Sungai Besar	35
12	Majlis Perbandaran Hulu Selangor	**22 Mei 2025** Dewan Merdeka, Kuala Kubu Bharu	16

Bengkel Pembangunan Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 2026-2030 (Fasa 1)

30 Mei - 1 Jun 2025

Wyndham Ion Majestic, Genting Highlands

Bengkel Pembangunan Pelan Strategik 2026-2030 dilaksanakan bagi menggantikan pelan strategik sedia ada yang akan tamat pada tahun semasa. Pelaksanaan bengkel ini bertujuan memastikan perancangan aktiviti dan program dirangka secara lebih sistematik, berfokus serta selaras dengan sasaran yang telah ditetapkan.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Turut hadir sama YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) dan YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan).

Pembangunan pelan strategik ini mengambil kira pengenalpastian isu-isu strategik serta analisis persekitaran semasa pentadbiran Kerajaan Negeri. Pendekatan ini penting bagi memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cekap, berkesan dan berimpak tinggi kepada *stakeholder* serta pelanggan di Negeri Selangor.

Bengkel ini telah dilaksanakan pada 30 Mei hingga 1 Jun 2025 di Wyndham Ion Majestic, Genting Highlands. Ia melibatkan penyertaan semua Bahagian/ Seksyen/ Unit, yang terdiri daripada Ketua Jabatan serta pegawai-pegawai kanan. Bengkel ini berfungsi sebagai platform untuk menilai, membincangkan dan menyemak semula pelaksanaan program sedia ada, di samping merancang inisiatif baharu yang lebih strategik. Selain itu, bengkel ini turut memastikan teras-teras strategik yang digariskan dapat dicapai serta dinilai secara lebih komprehensif dan bersepadu.

Pelaksanaan bengkel ini telah diurusetiakan oleh Bahagian Korporat dengan kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) sebagai fasilitator.

Sesi Penilaian Pemeriksaan Projek Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) Tahun 2025

16 - 20 Jun 2025

Ballroom, Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam

Sesi Penilaian Pemeriksaan Projek Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) Tahun 2025 telah berlangsung mulai 16 hingga 20 Jun 2025 bertempat di Ballroom, Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Pada tahun ini menyaksikan persaingan di antara 35 kumpulan daripada 12 agensi/ jabatan dan 1 Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor bagi mengungguli 4 kategori utama yang dipertandingkan.

Seramai tiga (3) orang panel penilai profesional telah dilantik bagi pertandingan ini iaitu Encik Mohd Apandi bin Aini daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Encik Mohd Ramlee bin Musa daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Encik Muhammad Muzzamil bin Razali daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).

Keputusan pertandingan adalah seperti berikut :-

1. Kategori Inovasi Sosial (Penciptaan)

Johan : Kumpulan EX7
Majlis Bandaraya Shah Alam

Naib Johan : Kumpulan W2K
Majlis Perbandaran Selayang

Tempat Ketiga : Kumpulan Spark Power
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

2. Kategori Inovasi Sosial (Penambahbaikan)

Johan : Kumpulan Green Troopers
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Naib Johan : Kumpulan Jasmine
Majlis Bandaraya Shah Alam

Tempat Ketiga : Kumpulan Acacia Society
Majlis Perbandaran Sepang

3. Kategori Penyampaian Perkhidmatan (Penciptaan)

Johan : Kumpulan C-Force
Majlis Bandaraya Subang Jaya

Naib Johan : Kumpulan Revenew
Majlis Bandaraya Subang Jaya

Tempat Ketiga : Kumpulan Cosmos
Majlis Bandaraya Diraja Klang

4. Kategori Penyampaian Perkhidmatan (Penambahbaikan)

Johan : Kumpulan Cybercrew
Majlis Perbandaran Sepang

Naib Johan : Kumpulan Faster
Majlis Perbandaran Sepang

Tempat Ketiga : Kumpulan X-Nozzer
Majlis Bandaraya Shah Alam & Majlis Bandaraya Klang

5. Anugerah Khas Dokumentasi Projek Terbaik

Kumpulan Cybercrew
Majlis Perbandaran Sepang

6. Anugerah Khas Persembahan Video Terbaik

Kumpulan Revenew
Majlis Bandaraya Subang Jaya

7. Anugerah Khas Projek Inovasi Primer Terbaik

Kumpulan EX7
Majlis Bandaraya Shah Alam

8. Anugerah Khas Projek Inovasi Hibrid Terbaik

Kumpulan Green Troopers
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Bengkel *Design Thinking* Kumpulan KIK

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2025

24 - 26 Jun 2025

Dewan Jamuan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

Bengkel ini telah berlangsung pada 24 hingga 26 Jun 2025 bertempat di Dewan Jamuan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Program ini dianjurkan khusus untuk Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) baharu yang akan menyertai Konvensyen Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2026.

Bengkel *Design Thinking* ini dirancang bagi membantu peserta mengenal pasti punca permasalahan di setiap Bahagian/ Seksyen/ Unit, seterusnya mencari penyelesaian melalui pendekatan inovasi. Penyelesaian yang dihasilkan merangkumi penciptaan kaedah baharu serta pembangunan produk dan sistem yang lebih efektif.

Pemilihan peserta adalah berdasarkan pencalonan oleh setiap bahagian, seksyen dan unit di PSUK Selangor. Seramai 40 orang peserta telah terlibat, yang dibahagikan kepada lapan kumpulan mewakili 10 bahagian.

Sepanjang bengkel ini, peserta telah menerima bimbingan dan khidmat nasihat daripada Encik Muhammad Zulhusni bin Munir daripada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan. Beliau merupakan penceramah yang berpengalaman luas dalam bidang inovasi KIK, khususnya dalam aplikasi kaedah *Design Thinking*.

Sesi Penilaian Persembahan Video Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam

Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) Tahun 2025

21 - 22 Julai 2025

Hotel De Palma, Shah Alam

Pada 21 dan 22 Julai 2025 bertempat di Hotel De Palma, Shah Alam telah diadakan sesi penilaian persembahan video Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (MPIPANS) Tahun 2025.

Sesi ini dilaksanakan bagi menilai aspek persembahan berdasarkan video yang dihasilkan oleh setiap kumpulan yang menjadi kriteria pemarkahan Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS). Sesi ini juga digunakan bagi membincangkan setiap projek inovasi secara lebih terperinci.

Seramai tiga (3) orang panel penilai profesional telah dilantik bagi pertandingan ini iaitu Encik Mohd Apandi bin Aini daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Encik Mohd Ramlee bin Musa daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Encik Muhammad Muzzamil bin Razali daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).

Sesi Penilaian Dalam Talian Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) 2025

21 - 25 Julai 2025

Hotel De Palma, Shah Alam

Sesi Penilaian Dalam Talian Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) 2025 telah berlangsung di Hotel De Palma, Shah Alam pada 21 hingga 25 Julai 2025.

Sebanyak 82 kumpulan daripada 364 penyertaan keseluruhan telah berjaya melayakkan diri pada tahun ini. Peserta dinilai melalui dokumentasi, video penerangan projek serta sesi soal jawab bersama panel juri.

Para peserta telah diadili oleh tiga (3) orang juri profesional dan berpengalaman luas dalam bidang inovasi diketuai oleh Encik Hussein bin Mohd Ariff daripada Malaysian Association of Creativity & Innovation (MACRI), Encik Mohamad Latife bin Shamsuddin daripada Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan Encik Mohamad Ibnu Mohamed daripada National Technology & Innovation Sandbox (NTIS), MRANTI.

Senarai Pemenang Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) Tahun 2025 adalah seperti berikut :-

Kategori AINS-SA (Trek Keselamatan dan Pentadbiran)

Johan : Kumpulan Medalloc (Hospital Sungai Buloh)
Tajuk Projek : Sistem Pengurusan Katil (BMU) Negeri Selangor

Naib Johan : Kumpulan EX7 (Majlis Bandaraya Shah Alam)
Tajuk Projek : E-EKSA

Kategori AINS-SA (Trek Sosial)

Johan : Kumpulan Scopic (Institut Kesihatan Negara)
Tajuk Projek : Smartphone Corneal Optical Imaging Companion

Naib Johan : Kumpulan Patho-Heroes (Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM)
Tajuk Projek : Catch-It (Alat Penapis Darah Beku)

Kategori AINS-SA (Trek Infrastruktur)

Johan : Kumpulan Evo Innovation (Majlis Bandaraya Subang Jaya)
Tajuk Projek : Sistem Pemantauan Projek Jabatan Kejuruteraan (SPPJK)

Naib Johan : Kumpulan Inotech JPM (Majlis Perbandaran Kuala Selangor)
Tajuk Projek : Sharp Line 2.0

Kategori AINS-SA (Trek Ekonomi)

Johan : Kumpulan Taxpert Squad (Pejabat Daerah dan Tanah Petaling)
Tajuk Projek : ABT Tracker

Naib Johan : Kumpulan Smart Lease (Majlis Bandaraya Petaling Jaya)
Tajuk Projek : Sistem E-Penilaian Digitalisasi Bagi Penentuan Nilai Tahunan

Bengkel
Aplikasi AI Dalam Pengoperasian Pejabat
Untuk Penjawat Awam Negeri Selangor Tahun 2025

6 - 7 Ogos 2025

Auditorium, Aras 8, Fakulti Kejuruteraan Awam, Menara 1, Kompleks Kejuruteraan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, UiTM Shah Alam, Selangor

Jawatankuasa Tetap Pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Negeri Selangor dengan kerjasama Business Innovation Technology & Commercialization Centre (BITCOM) Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam telah menganjurkan Bengkel Aplikasi AI Dalam Pengoperasian Pejabat Untuk Penjawat Awam Negeri Selangor.

Bengkel yang berlangsung pada 6 & 7 Ogos 2025 ini melibatkan seramai 32 orang peserta yang terdiri daripada wakil pelbagai jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Selangor.

Penganjuran bengkel ini memberi fokus kepada usaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penjawat awam Negeri Selangor dalam penggunaan kecerdasan buatan (AI), khususnya dalam penyediaan dokumentasi, laporan, bahan kreatif seperti slaid dan poster, serta pelaksanaan tugasan harian di pejabat. Selain itu, bengkel ini turut memberikan pendedahan berkaitan aspek etika dan isu keselamatan dalam penggunaan AI, terutamanya dalam konteks persekitaran kerja sektor awam.

Kategori Institut Pengajian Tinggi

Johan : Kumpulan Mr Molec (Universiti Putra Malaysia)
Tajuk Projek : Mr Molec

Naib Johan : Kumpulan B.I.O.S Built (Universiti Teknologi MARA, UiTM)
Tajuk Projek : B.I.O.S Station

Kategori Swasta

Johan : Kumpulan XENO5 (PLUS Malaysia)
Tajuk Projek : Lane Remote Function

Naib Johan : Kumpulan Misar Malaysia
Tajuk Projek : Capsule Relief Guard (Kapsule Bantuan Bencana Alam)

Kategori Sekolah

Johan : Kumpulan Palmitizer Soilless Pellet (SJK (T) Castlefield, Puchong)
Tajuk Projek : Palmitizer Solution Pellets

Naib Johan : Kumpulan Aurora Innovators (SMK Bagan Terap, Sabak Bernam)
Tajuk Projek : Stenzyme Remover

Kategori Akar Umbi

Johan : Kumpulan Kalut Idea
Tajuk Projek : Signal 3

Naib Johan : Kumpulan Tan You Han
Tajuk Projek : Posture Manager

Anugerah Khas Inovasi Digital Terbaik

Kumpulan IQ Tochi (Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam)
Tajuk Projek : SMILE- Sabak Mapping (Integreted) For Land Enforcement

Anugerah Khas Inovasi Produk Terbaik

Kumpulan Mizu Paint
Tajuk Projek : Mizu Paint

Buletin
INOV
Pejabat Setiausaha Keraja
JOHAN
RM 15,000.00
TARIKH: 30 OKTOBER 2025
ANUGERAH INOVASI NEGERI
SEKTOR AWAM (AINS-SA)
JOHAN
RM 5,000.
LIMA RIBU RINGGIT SAHAJA
KITASELANGOR

FAKULTI
KEJURUTERAAN
UVAM
aan Negeri Selangor 2025
TAHUN 2025

Bengkel Penilaian Harta Intelek

Untuk Penjawat Awam
Negeri Selangor Tahun 2025

6 - 7 Ogos 2025

Auditorium, Aras 8, Fakulti Kejuruteraan Awam, Menara 1, Kompleks Kejuruteraan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, UiTM Shah Alam, Selangor

Jawatankuasa Tetap Pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Negeri Selangor dengan kerjasama Business Innovation Technology & Commercialization Centre (BITCOM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam telah menganjurkan Bengkel Penilaian Harta Intelek untuk Penjawat Awam Negeri Selangor.

Bengkel ini telah berlangsung pada 6 & 7 Ogos 2025 dan melibatkan seramai 34 orang peserta yang terdiri daripada wakil pelbagai jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Selangor. Penganjuran bengkel ini merupakan kesinambungan daripada Bengkel Pengurusan Harta Intelek yang telah diadakan sebelum ini.

Ini bertujuan untuk memberikan pendedahan serta pemahaman yang lebih mendalam berkaitan harta intelek, khususnya dalam aspek paten, cap dagangan (trademark), hak cipta (copyright), reka bentuk perindustrian dan petunjuk geografi. Selain itu, bengkel ini turut menekankan aspek penilaian serta kepentingan harta intelek dalam memperkukuh kecekapan dan inovasi dalam sektor perkhidmatan awam.

Konvensyen Inovasi Sosial (KIS) 2025

Anjuran Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)

16 - 18 Oktober 2025

GMBB Mall, Bukit Bintang Kuala Lumpur.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah menerima jemputan daripada Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) untuk menyertai sebagai pempamer dan peserta dalam Konvensyen Inovasi Sosial (KIS) 2025.

Bagi memenuhi undangan tersebut, pentadbiran ini telah menghantar delegasi Kerajaan Negeri Selangor yang terdiri daripada kumpulan inovasi daripada dua (2) Pihak Berkuasa Tempatan yang telah memenangi Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) 2025 serta seorang inovator akar umbi dari Sabak Bernam yang telah memenangi Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) 2025, untuk menyertai pameran berkenaan yang telah berlangsung pada 16 hingga 18 Oktober 2025 bertempat di GMBB Mall, Bukit Bintang Kuala Lumpur.

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah diberi mandat oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai agensi pelaksana bagi Inisiatif Inovasi Sosial Malaysia (MyIS), yang memberi penekanan kepada pembangunan inovasi sosial berteraskan komuniti akar umbi serta penggunaan teknologi tempatan.

Konvensyen ini bertemakan *"Social Innovation Living Lab: Connect, Collaborate, Creative, Changescape!"* yang mengetengahkan konsep *Local Issues, Local Technology, Local Benefit* dalam usaha menghasilkan penyelesaian yang relevan dan berimpak kepada masyarakat setempat.

Sepanjang pameran tersebut, Negeri Selangor telah berjaya meraih pengiktirafan sebagai penerima Anugerah Reruai Inovasi Terbaik.

Biz.Spotlight 2025 X Festival Of Idea (FOI)

Anjuran Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

25 - 26 Jun 2025

Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), UiTM Shah Alam.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah dijemput sebagai rakan kolaborasi oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) melalui Business Innovation & Technology Commercialization Centre (BITCOM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam untuk menyertai pameran produk inovasi, aktiviti *pitching* serta pengkomersialan sempena program Biz.Spotlight 2025 bersekali dengan Festival of Idea (FOI). Program ini turut dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.



Bagi memenuhi undangan tersebut, pentadbiran ini telah menghantar delegasi Kerajaan Negeri Selangor yang terdiri daripada dua (2) Pejabat Daerah dan Tanah serta lapan (8) Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyertai pameran yang telah berlangsung pada 25 hingga 26 Oktober 2025 bertempat di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), UiTM Shah Alam.

Majlis Apresiasi Inovasi Negeri Selangor Tahun 2025

30 Oktober 2025

Auditorium, Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Shah Alam

Pada 30 Oktober 2025, jam 2.30 petang, bertempat di Auditorium, Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Shah Alam telah diadakan Majlis Apresiasi Inovasi Negeri Selangor Tahun 2025.

YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. dan YB Dr. Mohamad Fahmi bin Ngah, EXCO Agama Islam dan Pembudayaan Inovasi telah menyaksikan YB Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, bagi sesi pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Kerjasama ini bertujuan untuk memperkukuh usaha meningkatkan kefahaman dan kesedaran berkaitan perlindungan harta intelek. Selain itu, turut berlangsung sesi pertukaran MoU antara Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan SELGEM Sdn. Bhd. sebagai rakan strategik dalam usaha pengkomersialan produk inovasi *Overflow Tripping System (OTS).*

Majlis diteruskan dengan gimik pelancaran Hab Inovasi Negeri Selangor dan ucapan rasmi oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

Seterusnya, YAB Dato' Menteri Besar Selangor, diiringi oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor serta YB EXCO Agama Islam dan Pembudayaan Inovasi, telah menyampaikan hadiah dan pengiktirafan kepada para pemenang Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) 2025 dan Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) 2025.

Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan daripada Kumpulan Drum SACC Percussion, SMK Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam serta persembahan khas kumpulan artis Ruffedge. Sebelum bersurai, YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah dibawa melawat reruai pameran yang mempamerkan pelbagai produk inovasi daripada jabatan/ agensi dibawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Majlis berakhir pada jam 5.30 petang.

Lawatan Penanda Aras Inovasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Ke Balai Bomba dan Penyelamat Alor Setar, Kedah, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)

Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2025

9 - 12 November 2025

Seksyen Pembudayaan Inovasi, Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah menganjurkan Lawatan Penanda Aras Inovasi ke Negeri Utara sebagai inisiatif julung kali dilaksanakan. Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi ilmu serta amalan terbaik berkaitan pembangunan produk inovasi, di samping memperluas pengetahuan peserta serta menggalakkan pembudayaan inovasi dalam kalangan penjawat awam Negeri Selangor.

Lawatan ini telah berlangsung selama empat (4) hari tiga (3) malam, bermula dari 9 hingga 12 November 2025, melibatkan seramai 23 orang peserta yang terdiri daripada tiga (3) Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) PSUK Selangor serta urus setia Bahagian Korporat.

Pada 9 hingga 10 November 2025, lawatan telah diadakan ke Balai Bomba dan Penyelamat Alor Setar, Kedah. Delegasi telah menerima sesi perkongsian pengalaman serta idea berkaitan produk inovasi daripada pemenang Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA) Tahun 2023, iaitu Kumpulan Alor Setar Troopers melalui produk AFIS, pemintas radio yang berjaya memenangi hadiah utama berjumlah RM1 juta. Selain itu, PSUK Selangor turut berkongsi inovasi daripada Kumpulan Phantom Flexi yang menghasilkan beg serbaguna untuk kegunaan semasa operasi bencana di lapangan.

Pada 11 November 2025, lawatan diteruskan ke Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Kumpulan EMC, PSUK Selangor telah membentangkan Produk Rintis Inovasi Pengkomersialan iaitu *Overflow Tripping System (OTS)*, yang berfungsi sebagai sistem perlindungan sekunder bagi mengelakkan limpahan air sekiranya pam atau penderia gagal mengesan paras air tangki.

Delegasi turut dibawa melawat beberapa lokasi projek inovasi dan pembangunan oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang, termasuk kawasan hakisan pantai yang telah dibaik pulih, projek Lampu Hiasan Laser Interaktif berasaskan projektor dengan penderia gerakan di Linear Park, Padang Kota Lama, serta Pusat Transit Gelandangan (Night Shelter) yang menyediakan perlindungan sementara dan bantuan padanan pekerjaan kepada golongan gelandangan.

Pada 12 November 2025, lawatan diteruskan ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sesi perkongsian telah diadakan oleh Unit Korporat, PSUK Pulau Pinang berkaitan pelaksanaan sistem inovasi di negeri tersebut. Dalam masa yang sama, delegasi PSUK Selangor turut membentangkan inovasi daripada Kumpulan Corp-Care iaitu *EziCart*, sebuah troli mudah alih bagi pengurusan dan penggantian alat ganti pejabat. Produk *Overflow Tripping System (OTS)* juga turut dibentangkan sebagai salah satu inisiatif pengkomersialan inovasi.

Program Perkongsian Produk Inovasi @ The Innovator Tahun 2025

Lab Inovasi (The Innovator),
Tingkat 4, Bangunan SSAAS, Shah Alam, Selangor

BIL.	TARIKH	PERKONGSIAN KIK	PRODUK	JUMLAH KEHADIRAN PESERTA
1	9 JULAI 2025 (RABU)	KUMPULAN CORP-CARE (PEJABAT SUK SELANGOR)	EZI-CART	14 ORANG
2	13 OGOS 2025 (RABU)	KUMPULAN EMC (PEJABAT SUK SELANGOR)	OVERFLOW TRIPPING SYSTEM	11 ORANG
3	24 SEPTEMBER 2025 (RABU)	KUMPULAN NOVA TECH (MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR)	MPHS GO	12 ORANG
4	24 OKTOBER 2025 (JUMAAT)	KUMPULAN K-TIVITY (MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA)	ERGO TROLLEY	16 ORANG

SEKSYEN PEMBUDAYAAN INOVASI
BAHAGIAN KORPORAT
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat Bawah, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor

Tel : 03-55447053 | Fax : 03-55135569